

BAB 3

BAB 3

KATA KERJA MUḌĀRI' DALAM BAHASA ARAB

3.1 Definisi Kata Kerja MuḌāri'

Menurut kebanyakan ulama Nahu Arab, mereka mendefinisikan Kata Kerja MuḌāri' sebagai sesuatu perbuatan yang mengandung dua perkara iaitu perbuatan dan masa atau kala yang sedang dilakukan atau yang akan dilakukan.⁴ Ini bermaksud ia digunakan untuk menyatakan sesuatu perbuatan yang berlaku pada masa kini atau pada masa yang akan datang

Kata Kerja MuḌāri' juga ialah kata kerja yang ditambah pada awalnya salah satu daripada huruf-huruf (ا / ن / ي / ت) yang dikenali sebagai Huruf al-MuḌāra'at.

Binaan kata kerja ini berdasarkan Kata Kerja Māḍi kemudian ditambah huruf al-MuḌāra'at di awalnya. Penggunaan huruf-huruf al-MuḌāra'at ini berdasarkan kepada keadaan berikut;

أ - untuk kata ganti nama diri pertama tunggal iaitu *saya*, lelaki atau perempuan.

Contoh: أَذْهَبُ (*saya pergi*)

ن - untuk kata ganti nama diri pertama ramai iaitu *kami*, lelaki atau perempuan.

Contoh: نَذْهَبُ (*kami pergi*)

⁴ Abbas Hassan. 1970. Jil 1/47

ي - untuk kata ganti nama diri ketiga iaitu *dia* atau *mereka*, sama ada lelaki, tunggal, berdua atau ramai lelaki dan ramai perempuan, cuma perbezaan tunggal, berdua dan ramai ialah, berdua akan ditambah Alif al-Ithnain serta Nuun Jamak pada akhir kata, ramai lelaki akan ditambah tanda jamak Wāw al-Jamā'at beserta Nūn Jamak pada akhir kata. Manakala ramai perempuan pula akan ditambah Nūn al-Niswāt pada akhir kata.

Contoh: يَذْهَبُ (*dia* [lelaki] *pergi*)

يَذْهَبَانِ (*mereka* [berdua lelaki] *pergi*)

يَذْهَبُونَ (*mereka* [ramai lelaki] *pergi*)

يَذْهَبْنَ (*mereka* [ramai perempuan] *pergi*)

ت - untuk kata ganti nama diri kedua, iaitu *awak*, samada lelaki, perempuan, tunggal, berdua atau ramai lelaki dan ramai perempuan. Perbezaan ramai, berdua dan tunggal sama seperti pada huruf al-Muḍāra'at Yā' di atas tetapi untuk tunggal perempuan ditambah huruf Yā' ' al-Mukhaṭabaṭ serta Nūn Jamak pada akhir kata.

Contoh: تَذْهَبُ (*awak* [lelaki] *pergi*)

تَذْهَبِينَ (*awak* [perempuan] *pergi*)

تَذْهَبَانِ (*awak* [lelaki/perempuan] *pergi*)

تَذْهَبُونَ (*awak* [ramai lelaki] *pergi*)

تَذْهَبْنَ (*awak* [ramai perempuan] *pergi*)

- ia juga digunakan untuk kata ganti nama diri ketiga, iaitu *dia* bagi perempuan berdua

Contoh: تَذْهَبَانِ (*dia* [perempuan berdua] *pergi*)

Keadaan ini lebih jelas menerusi jadual pada halaman berikutnya .

		Penggunaannya					
Huruf al- Mudara'at	tunggal		berdua		ramai		
	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan	
ا	أَذْهَبُ (أنا)	أَذْهَبُ (أنا)					
ن					نَذْهَبُ (نحن)	نَذْهَبُ (نحن)	
ي	يَذْهَبُ (هو)		يَذْهَبَانِ (هما)		يَذْهَبُونَ (هم)	يَذْهَبْنَ (هن)	
ت	تَذْهَبُ (أنت)	تَذْهَبِينَ (أنت)	تَذْهَبَانِ (انتما)	تَذْهَبَانِ (انتما)	تَذْهَبُونَ (انتم)	تَذْهَبْنَ (انتن)	

Jadual 3.1 : Penggunaan Kata Kerja Muḍāri

Manakala cara bacaan huruf-huruf ini ialah dibaca dengan baris ḍhammah bagi kata kerja mazīd yang mempunyai bilangan Kata Kerja Māḍinya empat huruf. Contohnya يَكْرُمُ - اِكْرَمُ , di mana huruf al-Mudhāra'at Yā' di sini dibaca dengan baris ḍhammah kerana kalimah ini terdiri daripada empat huruf.

Jika kata kerjanya terdiri daripada selain daripada empat huruf, maka huruf al-Mudhāra'atnya dibaca dengan baris fathah. Contohnya, يَذْهَبُ - ذَهَبَ yang terdiri daripada tiga huruf, يَتَّجَاهَلُ - تَجَاهَلَ yang terdiri daripada lima huruf dan يَسْتَعْفِرُ - اسْتَعْفَرَ yang terdiri daripada enam huruf.

3.2 Tanda Kata Kerja Muḍāri'

Kata Kerja Muḍāri' dapat dikenali apabila terdapat huruf-huruf al-Muḍāra'at pada awal sesuatu kata kerja seperti yang telah diterangkan, walaupun di akhir kata kerja tersebut terdapat Wāw al-Jamā'at beserta Nūn Jamak seperti يَذْهَبُونَ / تَذْهَبُونَ, Alif al-Ithnain beserta Nūn Jamak seperti يَذْهَبَانِ / تَذْهَبَانِ, Ya' al-Mukhātabat beserta Nūn Jamak seperti يَذْهَبِينَ / تَذْهَبِينَ, Nūn al-Niswat seperti يَذْهَبْنَ / تَذْهَبْنَ atau Nūn al-Taukīd seperti يَذْهَبَنَّ / تَذْهَبَنَّ .

Selain daripada itu, Kata Kerja Muḍāri' juga dapat dikenali apabila terdapat partikel-partikel tertentu di depan kata kerja tersebut, antaranya ialah seperti berikut:

- a) partikel لَمْ atau لَمَّا al-Jāzimat seperti لَمْ أَكْتُبْ (*saya tidak menulis*) dan di dalam firman Allah Taala, بَلْ لَمَّا يَدْعُوا الْعَذَابَ (*malah mereka akan merasai azab.*).
- b) partikel لَا النَّاهِيَّةُ seperti dalam hadis Rasulullah لَا تَأْكُلِ السَّمَكِ وَتَشْرَبِ اللَّبَنَ (*jangan kamu makan ikan beserta minum susu*).
- c) partikel – partikel lain yang dikhususkan untuk Kata Kerja Muḍāri' iaitu اِنْ / اِنَّ / اِنَّ / اِنَّ / اِنَّ .

Contohnya: اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُكُمْ اَنْ تَذْبَحُوا بَقْرَةً (*Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina*). [surah al-Baqarah, ayat 67].

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ (*dan ketika kamu berkata: Wahai Musa kami sudah tidak sabar [sudah jemu] dengan makanan yang serupa sahaja*). [surah al-Baqarah, ayat 61].

إِذْ أَنْ كَرَّمَكَ (*oleh itu saya akan memuliakan kamu*) sebagai jawapan bagi seseorang yang berkata contohnya غَدًا أَزُورُكَ (*esok saya akan menziarahi kamu*).

كَيْ لَسَبَّحَكَ كَثِيرًا (*supaya kami banyak memuji Mu*).

d) huruf Tanfīs iaitu huruf *Ṣin* dan *Saufa* (سَوْفَ). Contohnya seperti *سأسافرُ إلى خارج البلاد* (*Aku akan bermusafir ke luar negara*) dan *كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ* (*Jangan sekali-kali bersikap demikian*).

3.3 Binaan Kata Kerja Muḍāri'

3.3.1 Binaan Asal

Pola Kata Kerja Muḍāri' dibentuk daripada Kata Kerja Māḍi yang asalnya terdiri daripada tiga huruf utama, iaitu al-Fā', al-Ain dan al-Lām. Terdapat tiga bentuk pola dalam Kata Kerja Māḍi, kemudian dipecahkan kepada enam bentuk pola dalam Kata Kerja Muḍāri', iaitu *فَعَلَ* dipecahkan kepada *يَفْعَلُ* - *يَفْعَلُ* - *يَفْعَلُ*. Kemudian *فَعَلَ* dipecahkan kepada *يَفْعَلُ* - *يَفْعَلُ*, seterusnya *فَعَلَ* yang dipecahkan kepada satu pola sahaja iaitu *يَفْعَلُ*. Lihat pada jadual di bawah;

Pola Kata Kerja Madi	Pola Kata Kerja Mudari'	Contoh
فَعَلَ	يَفْعَلُ	يَذْهَبُ الْعَمَالُ إِلَى الْمَصْنَعِ
	يَفْعَلُ	يَبْكِي الطِّفْلُ إِذَا جَاعَ
	يَفْعَلُ	يَسْكُنُ السُّلْطَانُ فِي قَصْرِهِ
فَعِلَ	يَفْعَلُ	يَمْرُضُ الْعَجُوزُ لِكَبِيرِ سِنِّهِ
	يَفْعَلُ	وَرِثَ عَنْ عَمِّهِ ضَيْعَةً
فَعُلَ	يَفْعَلُ	يَحْسُنُ مُحَمَّدٌ فِي كَلَامِهِ

Jadual 3.2 : Pola Kata Kerja Muḍāri'

Dalam bahasa Arab tidak terdapat formula yang tepat untuk dinyatakan cara bacaan perkataan daripada asal Kata Kerja Māḍi kepada cara bacaannya dalam Kata Kerja Muḍāri'. Walau bagaimanapun, menurut sebahagian ulama nahu terdapat juga cara untuk mengenali bacaan sesuatu Kata Kerja Muḍāri' berdasarkan kepada Kata Kerja Māḍinya, iaitu melihat kepada fungsi atau makna kata kerja tersebut.

Jika Kata Kerja Māḍi pada pola *فَعَلَ* dan Kata Kerja Muḍāri'nya pola *يَفْعَلُ* ، *يَفْعَلُ* atau *يَفْعَلُ* maka ia menunjukkan makna *tegah, pisah* seperti *يَذْهَبُ - ذَهَبَ* ، *يَمْتَعُ - مَتَعَ* dan menunjukkan makna *kumpul* seperti *يَسْكُنُ - سَكَنَ* ، *يَحْتَرُّ - حَتَرَ* ، dan menunjukkan makna *menangis, memiliki* seperti *يَبْكِي - بَكَى* ، *يَمْلِكُ - مَلَكَ* dan sebagainya.⁵

Jika Kata Kerja Māḍi pada pola *فَعَلَ* dan Kata Kerja Muḍāri'nya pola *يَفْعَلُ - يَفْعَلُ* maka ia menunjukkan makna *penyakit* atau *sifat-sifat tabii* manusia, sebagai contoh: *يَمْرَضُ - مَرَضَ* ، *يَحْزَنُ - حَزَنَ* ، *يَعْلَمُ - عَلِمَ* dan sebagainya. Kata Kerja Māḍi pada pola *فَعَلَ* pula, membentuk Kata Kerja Muḍāri'nya *يَفْعَلُ* , kebanyakan maknanya berkenaan tabiat semulajadi seperti panjang, baik, buruk, mulia dan sebagainya. Contoh *يَحْسُنُ حَسَنَ* ، *يَشْرَفُ - شَرَفَ* ، *يَطُولُ - طَالَ* dan sebagainya. Untuk lebih jelas lihat pada jadual di bawah;

Wazan	Fungsi	Contoh
فَعَلَ	Tegah, pisah, siksa, menang, kumpul....	يَذْهَبُ - ذَهَبَ
		يَمْلِكُ - مَلَكَ
		يَسْكُنُ - سَكَنَ

⁵ Al-Lubāb Min Tasrīf al-Afa'āl, Muhd 'Aid al-Khālik 'Adīmah. 1995. m.s 23.

فعل	يَفْعَلُ	Penyakit atau sifat-sifat semulajadi manusia.	حَزَنٌ - يَحْزَنُ
	يَفْعَلُ		وَرَثٌ - يَرِثُ
فعل	يَفْعَلُ	Tabiat semulajadi seperti baik, buruk, mulia...	طالٌ - يَطُولُ شرفٌ - يَشْرَفُ

Jadual 3.3 : Fungsi Penggunaan Pola Kata Kerja Muḍāri'

Terdapat juga satu cara lain yang paling nyata untuk membentuk Kata Kerja Muḍāri' **يَفْعَلُ** daripada Kata Kerja Māḍiyah **فَعَلَ** iaitu melihat kepada jenis huruf al-Ain atau al-Lām bagi kata kerja tersebut, di mana huruf kedua-dua ini hendaklah terdiri daripada jenis huruf yang disebut pada kawasan halkum bagi organ artikulasi manusia. Contohnya **ذَهَبٌ - يَذْهَبُ** - **فَتَحٌ - يَفْتَحُ** dan sebagainya. Jika dilihat huruf Haa' pada **ذَهَبٌ** terletak pada kedudukan huruf Ain fi'il dan huruf Hā' pada **فَتَحٌ** terletak pada kedudukan Lām fi'il atau Lām kata kerja, maka ulama nahu menggariskan bahawa pada Kata Kerja Muḍāri'nya dibacakan dengan **يَفْعَلُ**.

Walau bagaimanapun, cara-cara ini bukannya muktamad untuk membentuk Kata Kerja Muḍāri'. Cara yang paling tepat untuk mengenalinya adalah merujuk kepada kamus-kamus Arab.

3.3.2 Binaan Berimbuhan

Seperti pola Kata Kerja Māḍi', dalam Kata Kerja Muḍāri' terdapat juga huruf-huruf tambahan padanya yang mempunyai makna-maknanya tersendiri untuk menyokong

makna dasarnya. Pola-pola tambahan tersebut adalah sepuluh pola yang dibina berdasarkan Kata Kerja Madi, iaitu:

المثال		الوزن
المضارع	الماضي	
يُكْرَمُ	أَكْرَمَ	أَفْعَلْ
يُخَاصِمُ	خَاصَمَ	فَاعِلْ
يُفَصِّلُ	فَصَّلَ	فَعْلٌ
يَنْقَطِعُ	انْقَطَعَ	انْفَعَلَ
يَقْتَضِرُ	اقْتَضَرَ	اقْفَعَلَ
يَخْمَرُ	أَخْمَرَ	أَفْعَلْ
يَتَّبَاعِدُ	تَّبَاعَدَ	تَّفَاعَلَ
يَنْفَضِلُ	نَفَضَلَ	تَّفَعَّلَ
يَسْتَخْرِجُ	اسْتَخْرَجَ	اسْتَفْعَلَ
يَعْتَشُو شَيْبُ	اعْتَشَوْ شَيْبَ	أَفْعَوْعَلْ

Jadual 3.4 : Pola Kata Kerja Mudari' Yang Berimbuhan

3.3.3 Binaan Huruf Sebelum Akhir Kata Kerja Mudari'

Dalam Kata Kerja Mudari', para nahuwan Arab turut membincangkan dan menggariskan keadaan huruf sebelum akhir kata yang terbina daripada Kata Kerja Madi. Bagi perkataan madinya yang bermula dengan huruf selain daripada huruf tambahan Ta', maka huruf sebelum akhirnya dibaca dengan baris kasrah, seperti أَكْرَمَ

يُهْدَبُ - هَدَبَ ، يُدْحَرُجُ - دَحَرَجَ ، يُنْطَلِقُ - انْطَلَقَ ، يَسْتَغْفِرُ - اسْتَغْفَرَ ، يُكْرِمُ dan sebagainya. Manakala bagi perkataan māḍinya yang bermula dengan huruf tambahan Tā', maka huruf sebelum akhirnya dibaca dengan baris fathah, seperti يَتَعَلَّمُ - تَعَلَّمَ ، يَنْتَدِي - نَتَدَى dan sebagainya.

3.4 Keadaan-Keadaan Bagi Kata Kerja Muḍāri'

Kata Kerja Muḍāri' pada asalnya adalah mu'rab, iaitu tidak tetap bacaannya dan boleh menerima perubahan apabila disertai partikel-partikel tertentu seperti partikel Nasab atau akusatif, iaitu (أَنْ / لَنْ / لَنْ / كَى) yang merubah baris akhir Kata Kerja Muḍāri' daripada dhammah kepada fathah sekiranya mufrad. Begitu juga apabila disertai partikel Jazam seperti (لَمْ / لَمَّا) , maka Kata Kerja Muḍāri' tersebut berubah bacaannya daripada dhammah kepada baris mati atau sukun sekiranya mufrad.

Apabila Kata Kerja Muḍāri' tersebut dalam keadaan muthanna atau duaan, ataupun dalam keadaan jamak atau ramai, maka hukum bacaan baris akhirnya berubah.

Kata Kerja Muḍāri' dalam keadaan muthanna atau jamak yang tidak disertai sebarang partikel di depannya, hukum bacaannya adalah dengan mengekalkan huruf Nūn Jamak di akhirnya, yang dikenali di dalam bahasa Arab sebagai *Thubūt al-Nūn*. Contohnya : يَذْهَبُونَ / يَذْهَبَانِ

Manakala bagi Kata Kerja Muḍāri' yang di dahului dengan partikel-partikel yang telah disebutkan sama ada partikel akusatif atau jazam, maka hukum bacaannya

adalah dengan menggugurkan huruf Nun Jamak di akhir kata yang dikenali di dalam bahasa Arab sebagai *Hazfu al-Nun*. Contohnya seperti dalam jadual pada di bawah:

Akusatif		Genetif	
أن		لم	يَذْهَبَا
لن		لما	يَذْهَبُوا
إن			
كى			

Jadual 3.5 : Kata Kerja Mudari' Dalam Bentuk Akusatif Dan Genetif

Walau bagaimanapun, apabila Kata Kerja Mudari' tersebut terdapat pada akhirnya huruf Nun Taukid atau Nun al-Niswat, maka ia dihukumkan mabni, iaitu apabila pada akhir kata terdapat Nun Taukid maka hukum bacaannya adalah mabni dengan fathah.

Contohnya, *وَالله لَأَقُومَنَّ بِالْوَأَجِبِ وَأَعْلَمَنَّ مَا فِيهِ الْخَيْرُ* (*demi Allah aku akan lakukan kewajipan dan laksanakan apa yang baik*) dan jika ia berakhir dengan Nun al-

Niswat maka hukum bacaannya adalah mabni dengan sukun. Contohnya,

إِنَّ الْأُمَّهَاتِ يَنْذُرْنَ لِأَبْتَانِهِنَّ ⁶ (*sesungguhnya ibu-ibu akan berkorban untuk anak-anaknya*)

⁶ Abbas Hassan. Jil1/81-82

3.5 Kala Lain Bagi Kata Kerja Muḍāri'

Umumnya Kata Kerja Muḍāri' menunjukkan perbuatan yang sedang dilalui atau yang akan dilalui semasa ujaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga Kata Kerja Muḍāri' yang membawa makna peristiwa yang telah dilalui sebelum sesuatu ujaran. Terdapat beberapa keadaan yang membawa kepada makna ini, iaitu;⁷

- a) Apabila kata kerja tersebut didahului dengan partikel 'لم' atau 'لَمَّا' al-Jāzimat, Maka kedua - dua partikel ini akan menjazamkan Kata Kerja Muḍāri' selepasnya. Contoh : لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (*Ia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan*) [surah al-Ikh̄lās, ayat 3] dan لَمَّا يَحْضُرُ ضَيْفُنَا (*tidak akan hadir tetamu kita*). Kedua - dua contoh ini membawa makna māḍi atau peristiwa yang telah berlaku walaupun terdapat Kata Kerja Muḍāri' padanya. Ini adalah kerana terdapat partikel-partikel yang telah dinyatakan di atas.
- b) Kadangkala kata kerja tersebut hukumnya mengikut perkataan sebelumnya, khususnya di dalam bab 'لَمْ' dan 'لَمَّا' di atas. Contohnya لَمْ تَتَأَخَّرْ عَنْ مِيعَادِكَ وَتَوَلَّمْ (*kamu tidak akan lewat dengan janji kamu dan tidak akan menyakiti sahabat kamu*). Dalam contoh ayat ini, didapati kata kerja 'تَوَلَّمْ' adalah Kata Kerja Muḍāri' tetapi ia membawa makna māḍi kerana hukumnya mengikut perkataan sebelumnya atau diistilahkan sebagai A'taf ke atas perkataan sebelumnya, iaitu 'تَتَأَخَّرْ' (لم).
- c) Apabila kata kerja tersebut didahului dengan partikel 'رُبَّمَا' seperti رُبَّمَا أَكْرَهُ

⁷ Abbās Hassan. 1970. Jil 1/61

yang membawa makna 'رَبَّمَا كَرِهْتُمْ' (*saya jarang membenci*).

- d) Apabila kata kerja tersebut didahului dengan partikel 'قَدْ' yang menunjukkan makna *kemungkinan*. Contohnya 'قَدْ يَنْجَحُ الْكُفُولُ' (*kemungkinan orang yang malas akan berjaya*).
- e) Apabila Kata Kerja Muḍāri' serta frasa selepasnya menjadi predikat bagi kata kerja Nawaasikh seperti 'كَانَ' atau yang seumpama dengannya, maka Kata Kerja Muḍāri' tersebut membawa makna madi. Contohnya 'كَانَ سَائِقُ السِّيَا' 'رَةً يَتَرَقَّقُ بِرِكَابِهَا حَتَّى وَصَلُوا' (*pemandu kereta itu mengiringi perjalanan Pemumpangannya sehinggalah mereka sampai*). Perkataan 'يَتَرَقَّقُ' pada contoh ayat ini membawa makna 'تَرَقَّقَ'.
- f) Apabila kata kerja tersebut di dahului dengan partikel 'إِذَا' seperti di dalam Firman Allah surah al-Taubat, ayat 40; 'إِذَا أَنْصَرْتُمْ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذَا أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا' (*kalau kamu tidak menolongnya [nabi Muhammad] maka sesungguhnya Allah telah pun menolongnya iaitu ketika kaum kafir [di Mekah] mengeluarkannya*)

Melalui perbincangan ini, dapat dilihat bahawa, Kata Kerja Muḍāri' juga mempunyai unsur kala pengubah, iaitu daripada kala asalnya (kala kini / akan datang) kepada kala lampau. Pola Kata Kerja Muḍāri' yang digunakan untuk membawa makna kala pengubah ini juga digunakan untuk tujuan retorik dan penulis turut membincangkan perkara ini di dalam bab 4.